



Sumber: Berita Harian

Kelantan sedia pegawai sulh setiap daerah selesai konflik

● Pelaksanaan sejak 2004 inisiatif bantu pihak tak mampu bayar kos guaman

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim, Amin Ridzuan Ishak dan Attirmidzie Rahman
bhkb@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kelantan melaksanakan kaedah sulh sejak 2004 dengan menempatkan seorang pegawai di setiap daerah di negeri itu.

Ketua Hakim Syarie Kelantan, Datuk Daud Mohammad, berkata kaedah sulh atau perbincangan luar mahkamah adalah langkah terbaik bagi menyelesaikan kes perbalahan antara suami isteri sebelum memfailkan perceraian.

"Kebanyakan pasangan memilih kaedah sulh kerana diperakui mampu menyelesaikan kes tuntutan cerai dalam tempoh yang

pendek bagi pihak yang tidak mampu membayar kos guaman," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Kelmarin, BH melaporkan hampir 60 peratus kes perceraian yang difailkan di Mahkamah Syariah Selangor, berjaya diselesaikan melalui kaedah sulh.

Ketua Hakim Syarie Selangor, Datuk Dr Mohd Naim Mokhtar, dilaporkan berkata, kaedah sulh adalah antara inisiatif diperkenalkan bagi membantu pihak yang tidak mampu membayar kos guaman, menyelesaikan kes tuntutan cerai, selain memendekkan tempoh penyelesaian kes.

Melalui kaedah itu, suami isteri yang memfailkan kes di mahkamah, akan dirujuk kepada pegawai sulh yang akan menjadi perantara untuk menyelesaikan perbalahan secara baik di luar mahkamah.

Di Ipoh, Ketua Hakim Syarie negeri, Datuk Asa'ari Mohd Yazid, berkata penyelesaian kes perceraian yang difailkan di Mahkamah Syariah menerusi kaedah sulh sangat memberangsangkan.

Katanya, pematuan terhadap perkara dipersetujui pasangan yang bercerai melalui kaedah sulh dalam soal nafkah, harta sepencarian dan hak penjagaan anak lebih tinggi berbanding pematuan terhadap perintah Mahkamah



Kaedah sulh atau perbincangan luar mahkamah adalah langkah terbaik bagi menyelesaikan kes perbalahan antara suami isteri sebelum memfailkan perceraian"

Daud Mohammad,
Ketua Hakim Syarie
Kelantan

Syariah bagi proses perceraian biasa dalam mahkamah.

Menjimatkan masa

"Berdasarkan pengalaman kami, peratusan pematuan terhadap apa yang dicapai ketika proses sulh bagi pasangan yang bercerai melalui cara ini lebih baik kerana perkara itu dibuat atas persetujuan sendiri.

"Kaedah sulh juga menjimatkan masa. Tiga empat kali sebutan sulh maka keputusan boleh dicapai. Malah, ada yang dua kali sebutan pun boleh selesai, berbanding proses dalam mahkamah biasa yang memakan masa lebih lama dan selepas itu ada perintah mahkamah tidak dipatuhi.

"Namun begitu, ini bukan ber-

makna perintah dibuat oleh Mahkamah Syariah dalam proses cerai biasa boleh dipandang enteng kerana kita ada mekanisme untuk memastikan perintah itu dipatuhi oleh pihak yang terbabit," katanya.

Di Kuantan, Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah dan Tugas-Tugas Khas, Datuk Syed Ibrahim Syed Ahmad, berkata sebahagian besar daripada 5,795 kes syariah diselesaikan dalam tempoh tiga tahun bermula 2013 adalah berkaitan perceraian termasuk menggunakan kaedah termasuk sulh.



Keratan BH semalam.